

RAHSIA AL-QURAN-DARI SEGI ILMU DAN FALSAFAH

PERIKATAN SUAMI ISTERI

Perikatan suami isteri adalah suatu perikatan yang suci murni, yang telah digambarkan oleh Tuhan Azza wa Jalla dengan firmanNya di dalam surah al-Rūm, ayat 21:

Wa min ayātihi ankhalaq lakum min anfusikum azwājān litaskunū ilayhā waja'ala baynakum mawaddatan warahmah, inna fī dhalika la'a yātin liqawmin yatafakkarūn.

Ertinya: “Dan setengah daripada tanda-tandanya, bahawa ia menjadikan bagi kamu isteri daripada diri kamu (daripada jenis manusia), supaya kamu bersekedudukan dengannya, dan ia menjadikan kamu berkasih sayang dan cinta mencintai, sesungguhnya yang demikian itu menjadi keterangan bagi kaum yang berfikir”.

(Oleh ‘Abdullāh Basmeh)

Malangnya ikatan yang suci murni ini, kerap kali dikerahkan oleh kebanyakan orang Islam kerana kejahilannya terutama pihak suami-suami, dengan tindakan dan perbuatan yang kejam, yang sangat menyedihkan bahawa tindakan dan kekejaman itu dilakukan dengan perantara ketua-ketua agama dan kadi-kadi yang jahil, yang membelakangkan ajaran kitab Allah dan Sunnah Nabi-Nya shallā Allāh ‘alaihi wa sallam.

Hak dan kewajipan seorang suami dan seorang isteri telah dijelaskan Tuhan dengan firman-Nya di dalam surah al-Baqarah ayat 228:

wa lahunna mithlu al-dhī ‘alayhin bi al-ma'rūf wa lirrijāli ‘alayhinna darajat.

Ertinya: “dan bagi perempuan haka seperti kewajipan yang wajib atas mereka dengan baik, dan bagi lelaki atas mereka (perempuan) kelebihan satu darjat”.

Sesungguhnya ayat ini ringkas tetapi cukup lengkap menerangkan bahawa hak seorang isteri dan kewajipan

yang ditanggungkan di atasnya terhadap suaminya, tidak berbeza dengan hak seorang suami dan kewajipan yang ditanggungkan di atasnya terhadap isterinya. Tentang kelebihan satu darjah yang ditentukan kepada kaum lelaki telah dijelaskan oleh Tuhan di dalam surah al-Nisā' ayat 34:

Al-rijāl qawwāmūn ‘alā al-nisā'

Ertinya: “kaum lelaki itu berkuasa di atas kaum perempuan.” Yakni kaum lelaki dilantik oleh Tuhan sebagai pemimpin yang mengurus, mengatur dan membela kaum perempuan, bukan sebagai penindas yang menggunakan kuku besi kepada jenis yang lemah lembut itu.

Tentang Islam mengangkat darjat kaum perempuan kepada kedudukan yang setinggi-tingginya sebagaimana yang tersebut di dalam ayat itu tekah dihuraikan dengan panjang lebar oleh jaguh Islam yang terkenal al-Sheikh Muḥammad ‘Abduh, katanya:

Darjat ketinggian ini, yang Islam telah mengangkat kaum perempuan kepadanya, belum di dapati di dalam agama-agama lain yang dahulu-dahulu. Bahkan belum sampai kepadanya suatu umat sebelum Islam atau sesudahnya. Umat Barat yang telah maju

dan bertamadun, yang telah memberi kehormatan yang tinggi kepada kaum perempuan, dan yang telah mendidik dan memberi pelajaran kepada mereka dengan berbagai ilmu pengetahuan dan kepandaian, masih belum dapat meletakkan kaum perempuan kepada adarjat yang setinggi itu-sebagaimana Islam telah meletakkan mereka di atasnya. Setengah daripada undang-undang Barat masih melarang perempuan membelanjakan hartanya dengan tiada izin suaminya, dan lain-lain lagi hak-hak yang telah diberikan oleh Islam kepada perempuan semenjak tiga belas kurun yang lalu...

Al-Ustādh al-Imām Muḥammad ‘Abduh berkata lagi: Manakala Allah Ta‘ālā telah menjadikan kewajiban lelaki terhadap isterinya, sama seperti kewajiban perempuan terhadap suaminya, maka dengan itu wajiblah atas kaum lelaki-kerana mereka yang mengatur urusan kaum perempuan-mengajar mereka supaya dapat menunaikan kewajiban mereka dan supaya mereka mendapat kehormatan yang membantu mereka mendirikan hak-hak mereka dan memudahkan jalan baginya, oleh kerana manusia menurut tabiat semula jadi suka menghormati orang yang dipandangnya beradab lagi mengetahui kewajibannya dan mengerjakannya. Dengan yang demikian tidaklah mudah ia diperhina oleh sesiapa pun...

Tuhan Azza wa Jalla telah memerintahkan kaum perempuan supaya beriman, berilmu dan beramal salih, baik dalam ibadat atau pun dalam mu‘āmalāt, sebagaimana perintahnya kepada kaum lelaki. Mereka juga berkewajipan sebagaimana kewajiban yang dipertanggungjawabkan di atas kaum lelaki. Demikian pula kaum perempuan telah diseru xxxx yang dengan kaum lelaki dalam banyak-banyak ayat Quran. Junjungan kita (SAW) telah berikat janji setia dengan perempuan-perempuan yang beriman sebagaimana baginda telah berikat janji setia dengan kaum lelaki. Baginda telah menyuruh mereka belajar menulis dan mempelajari ilmu pengetahuan sebagaimana baginda telah menyuruh kaum lelaki. Demikian juga kaum perempuan-sebagaimana yang dijelaskan oleh Quran dan hadis-akan dibalas amal-amal mereka

di dunia dan di akhirat, seperti balasan yang diterima oleh kaum lelaki. Oleh itu adakah harus, sesudah segala yang diterangkan ini, kaum perempuan akan disekat daripada mempelajari ilmu pengetahuan, padahal mereka mempunyai hak dan kewajiban bagi Tuhan, suami, anak pinak, kaum kerabat, bangsa dan agama?

Bagaimana suatu umat akan hidup berbahagia kalau sebahagian daripadanya (kaum perempuan) tidak mengetahui kewajiban terhadap Tuhannya, terhadap dirinya dan terhadap sesama manusia? Sedang yang sebahagian lagi (kaum lelaki) lebih daripada itu, kerana tidak dapat menunaikan kewajiban yang dipertanggungjawabkan di atas mereka melainkan sedikit sahaja, apa lagi bagi membantu bahagian yang lemah itu untuk menunaikan kewajibannya dengan menggunakan pengaruh kekuasaan dan pemimpinan mereka.

Ada pun perkara iktikad, adab sopannya dan amal ibadatnya yang wajib dipelajari oleh seorang perempuan adalah berperenggan, tetapi yang tuntutan daripadanya bagi mengatur rumahtangga, mendidik anak-anak dan sebagainya daripada perkara-perkara dunia seperti hukum mu‘āmalāt- kalau dia berada dalam rumah suami yang kaya dan mewah- adalah berlain kedudukannya menurut berlainan masa, tempat dan hal keadaan, sebagaimana kewajiban itu akan berlainan pula kedudukannya atas kaum lelaki menurut berlain-lainnya hal-hal tersebut.

Ibnu al-Manzur dan al-Ḥakim dan lainnya telah meriwayatkan daripada Saidina ‘Alī karamallāh wajhah bahawa ia berkata tatkala mentafsirkan ayat 6 surah al-Taḥrīm:

Yā ayyuha alladhīna āmanū qū anfusakum wa ahliikum nāra.

Ertinya: “Wahai orang-orang yang beriman! Peliharakanlah diri kamu dan ahli kamu daripada neraka”

Tatkala mentafsirkan ayat ini Saidina ‘Alī berkata: “Ajarkanlah diri kamu dan ahli kamu akan kebaikan dan didiklah mereka dengan sopan santun”.

Maksud “ahli” di sini ialah isteri dan anak pinak, kiranya seorang lelaki memelihara dirinya dan anak isterinya daripada azab neraka di akhirat dengan jalan mengajar mereka akan perkara-perkara yang baik dan sopan santun, maka demikian juga dengan jalan itu akan memelihara mereka daripada neraka dunia iaitu penghidupan yang sengsara dan tidak teratur.

Ayat yang suci mulia ini menunjukkan bahawa hak-hak dan kewajipan suami isteri adalah berbalik kepada adat sesuatu negeri (al-‘Araf) selagi adat kelaziman itu tidak menghalalkan yang haram dan tidak mengharamkan yang halal, yang telah diketahui dengan nas. Sedang adat itu adalah berlain-lain dengan sebab berlain-lainan manusia dan zamannya. Tetapi kebanyakan ulama fuqaha mazhab-mazhab yang terkenal berkata: Hak seorang suami atas isterinya ialah janganlah si isteri itu menyekatnya daripada dirinya (daripada perhubungan tabi‘ī) dengan ketiadaan izar yang diharuskan oleh syarak, manakala hak perempuan atas suaminya pula ialah nafkah, tempat kediaman dan seterusnya. Mereka berkata lagi, bahawa si isteri tidak wajib memasuk atau mengurus rumahtangga dan harta milik suaminya.

Tatkala membangkang faham ulama yang tersebut: al-Sayyid Rashīd Riḍā berkata: yang lebih hampir kepada pertunjuka ayat itu ialah yang disebut oleh setengah ahli hadis dan ulama mazhab Ḥanbalī. Mereka berkakata bahawa seorang isteri berkewajipan masuk dan mengurus rumahtangga suaminya dengan alasan apa yang telah dikerjakan oleh Saidatina Fāṭimah al-Zahrā’ di dalam rumahtangga suaminya Saidina ‘Alī junjungan kita (SAW) telah memerintahkan anakandanya Fāṭimah mengelenggarakan rumahtangga, sedang Saidina ‘Alī mengurus perkara yang di luar dirperintahkan mencari dan mengurus perkara yang di luar rumahtangganya. Mereka juga berpandu kepada sabda junjungan (SAW):

Law kuntu amira ahadan an yasjuda li ahadin la amartu al-imra'ah an tasjuda li zawjihā wa law anna rajulan amara imra'uhu tantaqilu min jabali aswad ilā jabal ahmar aw min jabali ahmar ilā jabali aswad lakāna nuwalliha (haqqaha) an taf'ala dhālika)

Ertinya: “kalau aku akan menyuruh seseorang, nescaya aku suruh perempuan sujud kepada suaminya. Kalaulah seorang lelaki menyuruh isterinya pindah dari bukit hitam ke bukit merah, atau dari bukit merah ke bukit hitam, nescaya berkewajipanlah (si isteri) melakukan yang demikian itu.”

Al-Jawzajānī yang meriwayatkan hadis ini berkata: “yang demikian ini ialah taat yang tidak ada manfaatnya maka betapa pula taat yang mengenai penghidupan dan urusan rumahtangga?”

Kata al-Sayyid Rashīd Riḍā lagi: Apa yang telah diperintahkan oleh Nabi (SAW) akan anakandanya Fāṭimah dan menantunya ‘Alī itulah yang bersesuaian dengan keadaan tabi‘ī yang telah dijadikan oleh Allah Azza wa Jalla iaitu membahagi-bahagikan kerja di antara suami isteri, si isteri mengurus rumahtangga dan si suami pula mencari dan berusaha di luarnya.

Kaum lelaki telah dilantik oleh Tuhan menjado pemimpin kaum perempuan. Kelebihan seorang lelaki ialah kerana dialah yang memberi nafkah dan mengurus isterinya. Si isteri diwajibkan taat kepadanya dengan baik. Kiranya seorang isteri derhaka, maka suaminya bolehlah mengajarnya dengan jalan nasihat, atau memulaukannya dalam tempat tidur, atau memukulnya dengan pukulan ringan. Tetapi kalau si suami menggunakan kuasa yang ada kepadanya lalu menggantung isterinya dengan tidak bertali, yakni tidak diceraikan dan tidak diberinya nafkah, maka perbuatan yang demikian tidak disuruh oleh syarak bahkan perbuatan itu semata-mata aniaya dan kejam, dan dengan itu si isteri berhak mengadu kepada kadi menuntut cerai.